

HAL EHWAL DAN KEDUDUKAN ISLAM DI INDONESIA

AKIBAT TURUN NAIK JEMAAH MENTERI INDONESIA

Dalam keluaran yang lalu dalam ruangan ini telah dibawa riwayat-riwayat yang mengenai dengan ikhtiar-ikhtiar membuat damai di antara kerajaan Indonesia dan Dār al-Islām. Usaha-usaha yang dijalankan semuanya telah terbengkalai begitu sahaja dengan sebab sebahagian pihak takut kepada anasir-anasir yang menggunakan kuatkuasa yang ada di tangan mereka bagi melumpuhkan persatuan umat Islam. Anasir-anasir itu tidak lain daripada anasir-anasir merah yang memandang bahawa siyasa pertubuhan-pertubuhan seperti Masyumi terlampau kolot dan seumpamanya – tidak boleh membawa hasil yang baik untuk kemakmuran Indonesia pada masa yang akan datang.

(oleh Edrus)

Keadaan rusuhan-rusuhan di Jawa Barat yang terdiri daripada beberapa golongan – yang terbesarnya golongan Dār al-Islām – makin bertambah-tambah. Pembaca-pembaca baharu-baharu ini tentu telah menatap bahawa pekerja-pekerja kereta api telah beramai-ramai mengadap Presiden Sukarno meminta supaya mereka dikawal dengan kawalan yang sempurna kerana mereka telah banyak menerima korban-korban terbunuh daripada serangan-serangan kumpulan-kumpulan yang bersenjata ke atas kereta api-kereta api yang berjalan terutamanya di antara Jogja dan Bandung.

Berita-berita tentang lima enam ratus orang menyerang bandar-bandar di daerah Jawa Barat seperti Cianjor dan Sukabumi dan daerah-daerah yang berhampiran dengannya adalah menunjukkan bahawa kekuatan-kekuatan kumpulan-kumpulan bersenjata itu kuat, semakin kuat daripada biasa bahkan semakin berleluasa daripada biasa. Pada awal tahun 1950 tatkala penulis berada di Jawa Barat sesudah kejadian Westerling keadaannya tidak seganas sekarang. Dahulu jarang terdengar keretapi dirompak dan sebagainya tetapi sekarang semakin banyak. Pada masa itu penulis telah bertanya kepada orang-orang yang terkemuka

di Jawa Barat “adakah kekuatan Dār al-Islām itu dapat diberhentikan dengan kekerasan yakni senjata lawan senjata” maka penulis diberi jawab bahawa yang demikian tidak mungkin. Sebab-sebabnya di daerah-daerah itu banyak gunung-gunung dan walaupun semua tentera-tentera yang ada di Indonesia digunakan kerananya tidak akan dapat menghapuskan langkah-langkah mereka. Dengan sebab itu menurut pendapatannya pekerjaan itu akan sesia sahaja dan akan memakan belanja-belanja yang besar sedang perbendaharaan negeri semakin kering-kontang.

Penduduk-penduduk yang berhampiran dengan daerah itu setiap saat terugat dengan rompakan bersenjata dan sebagainya. Sebab itu banyak orang-orang dari kampung masuk ke bandar-bandar meninggalkan kebun halamannya dengan membawa apa sahaja yang ada kepada mereka. Mereka bukan orang kaya dan kerana itu di dalam sedikit masa sahaja apabila wang mereka habis maka mereka pun, sebahagiannya menjadi penjahat-penjahat untuk mendapat wang. Kebun tidak terbelah oleh sebab sesudah ditanam hasil-hasilnya dicuri orang. Perusahaan-perusahaan gula tidak dapat berjalan oleh sebab kebun-kebun tebu apabila sampai saatnya dicuri orang, bukannya sebatang dua

tetapi satu ladang langsung.

Dengan keadaan-keadaan yang demikian ini di manakah negara akan mendapat hasil mahsul untuk membelanjai dan mengatur kesempurnaan negara? Jawabnya tentulah cukai-cukai dinaikkan dan sehingga susu manis pekat itupun dimasukkan ke dalam bahagian barang-barang yang tidak mustahak (*luxury*). Langkah ini menjadikan sebahagian suratkhobar-suratkhobar di sana merasa tidak senang hati oleh sebab susu manis yang dahulunya berharga tiga rupiah empat puluh sen dengan serta merta menjadi tujuh rupiah.

Perkara ini tentulah yang menderita ialah rakyat jelata yang terpaksa membeli gula sahaja untuk menyusukan anak-anaknya kerana yang kebanyakan daripada mereka itu tidak sanggup memberi Lactogen, Sanatogen, Glucose dan seumpamanya yang dipandang oleh kerajaan ialah cukup vitamin sedang susu manis itu tidak membawa sedikit pun vitamin untuk makanan kanak-kanak. Banyak lagi perkara-perkara cukai yang timbul dan sekalipun begitu perbelanjaan untuk negara tidak mencukupi.

Segala rancangan-rancangan yang dijalankan untuk kebaikan rakyat dan keselamatan negara selalu terbengkalai dengan adanya peraturan-peraturan yang terbit daripada perubahan-perubahan jemaah menteri yang turun satu berganti satu pada hal sepatutnya sebagai negeri yang baharu itu hendaklah ada satu peraturan yang tetap untuk suatu masa selama lima tahun umpamanya supaya segala rancangan berjalan dengan teratur.

Sepanjang-panjang yang ada, turun naik jemaah menteri itu kerap kali yang menjadi sebab, sepanjang yang disampaikan kepada penulis ialah merebut kedudukan di dalam pemerintahan. Mereka itu tidak memandang apa yang akan jadi kepada negara sekiranya perbuatan-perbuatan itu dijalankan dan sebab itulah membawa kesan seperti yang ada hari ini – sesuatu rancangan yang dikemukakan dan belum sempurna jalannya sudah terbengkalai.

Sebab itulah apabila jatuh jemaah menteri Wilopo maka pihak Masyumi dan pihak Parti Sosial Indonesia menghendaki supaya pembentuk jemaah menteri sesudah Wilopo itu adalah doktor Muhammad Hatta wakil president Indonesia. Pendapatan mereka itu untuk menjalankan kerajaan sementara Indonesia sehingga pemilihan umum yang akan datang doktor Hatta itulah sahaja orangnya yang akan dapat mengatasi segala kejadian-kejadian yang tidak diingini bagi melepaskan negara daripada segala kesusahan dan penderitaan yang tidak putus-putusnya sehingga hari ini. Doktor Hatta terkenal kepada seluruh Indonesia sebagai orang kuat yang disegani oleh semua pihak dan mustahak benar bagi doktor Hatta memberi pengorbanan meninggalkan kedudukannya sebagai wakil presiden yang di dalam pemerintahan itu hanya kedudukannya sebagai cogan negara sahaja.

Kehendak-kehendak ini adalah diasaskan kepada pandangan bahawa dengan turun naiknya sesebuah jemaah menteri itu menjadikan sesuatu yang baharu dibina runtuh dan binasa. Penderitaan rakyat dengan kerana kejadian-kejadian itu semakin payah dan rakyat semakin gelisah.

Sebaliknya parti-parti yang lain menghendaki supaya jemaah menteri di dalam pertubuhan-pertubuhan itu yang dipikul oleh semua pertubuhan-pertubuhan yang bermakna semua mereka menghendaki bahawa kerusi-kerusi itu terbahagi kepada golongan-golongan walau yang kecil sekalipun. Akibatnya sudah jelas bahawa yang lain membawa faham satu dan yang lain pula membawa faham dua di atas sesuatu dasar dan timbullah di sana perselisihan yang membawa kesan pula kepada jatuhnya jemaah menteri itu.

Cara bentuk jemaah menteri seperti ini, di dalam sebuah negara yang baharu seperti Indonesia mengikut pandangan pihak Masyumi tidak akan memberi kemakmuran kepada rakyat. Hal-hal yang menjatuhkan jemaah menteri Wilopo dan kemahuan-kemahuan yang terbit daripada puak P. N.I. yang bekerjasama dengan Parti Komunis

menolak kemasukan modal-modal asing dan menjadikan hak-hak negara sebahagian daripada yang diselenggarakan oleh modal asing dahulu seperti halnya dengan telaga minyak di Sumatera Utara (Pengkalan Brendan).

Kalau langkah-langkah itu dijalankan menurut pendapat Masyumi kesannya modal-modal asing yang diharap untuk memakmurkan Indonesia akan tidak mahu memasukkan modal-modal mereka oleh sebab sedangkan di dalam keadaan yang sebegitu lemah sudah ada kemahuan untuk menjadikan hak bangsa kepada modal-modal yang ada. Langkah ini sangat buruk kepada keselamatan dan kemakmuran rakyat.

Faham-faham ini dipandang oleh pihak kiri sebagai suatu perbuatan menyebelahi Amerika dan menjadi perkakas asing. Tuduhan-tuduhan itu bertalu-talu datangnya dengan tidak sekali-kali memberi sesuatu timbang rasa dan dengan hujah apakah yang demikian itu sebenar-benarnya ditujukan untuk kemakmuran rakyat atau tidak. Tidakkah dengan tidak ada modal asing kemakmuran Indonesia tidak akan didapati?

Ada menjadi satu perkara yang payah hendak diterangkan iaitu turun naiknya jemaah-jemaah menteri dengan sesuatu sebab yang sedikit itu adakah disengaja oleh anasir merah supaya keadaan negara Indonesia kucar-kacir, kemakmuran payah didapati yang bermakna rakyat akan menderita. Dengan penderitaan rakyat itulah mudah menarik umat masuk ke dalam pengajaran-pengajaran komunis. Keadaan ini sudah tentu merbahaya kepada keselamatan negara dan kemakmuran umat yang ditaja di dalam suatu kepercayaan “Ketuhanan Yang Maha Esa”.

Dengan keadaan yang demikian inilah Masyumi kuat berfaham bahawa negara Indonesia tidak akan dapat dibangunkan semula dengan cara pertubuhan jemaah menteri seperti



Murid-murid perempuan Madrasah al-Rawdahah al-Sibyān Sijangkang Klang Selangor sedang menyambut hari ihtifalnya sedikit hari yang lalu.

yang ada sekarang (*parliamentary*) yang apabila sesuatu pertubuhan tidak bersetuju dan terbit persengketaan dengan mudah jemaah menteri itu akan ditumbangkan – akibatnya sebagai yang di atas, kerja-kerja terbengkalai.

Dengan itu maka Masyumi menghendaki bentuk pemerintahan yang akan datang iaitu bentuk *presidential cabinet* (jemaah menteri yang diketuai oleh presiden sebagai di Amerika) yang apabila dilantik mempunyai kuasa empat atau lima tahun. Dengan cara itu maka tiap-tiap suatu perkara yang ditaja akan dapat disempurnakan dalam masa yang tersebut. Yang mendapat faedah daripadanya tentulah rakyat. Cara-cara ini tidak dipersetujui oleh anasir merah oleh kerana kalau rakyat makmur bermakna faham itu tidak subur hidupnya kepada umat Indonesia. (bersambung)

Hai manusia! Tidakkah engkau malu kepada Allah Ta'ālā? Mereka bertanya “Apa itu ya Rasulullah?” Nabi bersabda: Kamu kumpulkan barang yang kamu tidak makan, kamu harapkan barang yang kamu tidak boleh dapat dan kamu dirikan tempat yang kamu tidak tinggali. (maksud hadis riwayat Ibnu Abī al-Dunyā dan Bayhaqī)